

17 AUG 1997

PELBAGAI ACARA UNTUK DR MAHATHIR DI SARAWAK

KUCHING, 17 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di Miri esok untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Sarawak.

Perdana Menteri, yang sedang berada di Sabah, akan tiba di Lapangan Terbang Miri pada sebelah pagi dan akan merasmikan Perpustakaan Baru di Dewan Suara Miri, demikian menurut kenyataan Jabatan Penerangan Sarawak di sini.

Pada petangnya, beliau akan ke Kuching dan melawat tapak projek perumahan di Kawasan Perindustrian Demak Laut yang menempatkan industri pemprosesan makanan, kayu dan perabot.

Dr Mahathir juga akan melihat teknologi terkini bagi projek tebus guna tanah di beberapa kawasan di sini.

Pada hari berikutnya Dr Mahathir akan melawat Taman Negara Kubah Matang sebelum menghadiri taklimat tertutup pembangunan Sarawak. -- BERNAMA

RDY MAI